



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENGKAJI PERUBAHAN STRUKTUR GERAK TARIAN POKUDINDING ENTIK DUSUN TINDAL DI KAMPUNG PIASAU KOTA BELUD, SABAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENGKAJI PERUBAHAN STRUKTUR GERAK TARIAN POKUDINDING ENTIK DUSUN TINDAL DI KAMPUNG PIASAU KOTA BELUD, SABAH

VERONICA VRON MANAI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENULISAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN KRUSUS KAJIAN ILMIAH APC3053

**JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan).....(bulan) 20.....

i. **Perakuan pelajar :**

Saya, Veronica Vron Manai (D20201092222) Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO.MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa Penulisan Kajian Ilmiah yang bertajuk **Mengkaji Perubahan Struktur Gerak Tarian Pokudinding Etnik Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud Sabah.**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mananya hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, estrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya. Saya, dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tandatangan pelajar

ii. **Disemak oleh:**

Tandatangan :
Nama Penyelia :
Tarikh :

iii. **Disahkan oleh:**

Tandatangan :
Nama Penyelaras :
Tarikh :





PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan atas kejayaan menyiapkan penulisan ini dengan jayanya. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian dan menjalankan penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu-individu seperti Dr.Fara Dayana Binti Mohd Jufry selaku pensyarah dalam Krusus Kajian Ilmiah, Encik Raziman Bin Sarbini selaku penyelia sepanjang menjalankan penyelidikan juga disertai yang banyak memberikan panduan dan nasihat, para pensyarah yang memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan sepengajian Pelajar Degree Seni Persembahan (Tari) Fakulti Muzik dan Seni Persembahan yang banyak memberi bantuan dan semangat juga rakan-rakan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Selain itu, tidak lupa kepada masyarakat Kampung Piasau Kota Belud, Sabah yang turut serta dalam penyelidikan kajian ilmiah ini, Encik Manai Bin Budin dan Puan Jovitah Binti Tumbil iaitu Ayah dan Ibu tersayang yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih yang tidak terhingga kepada semua individu yang terlibat dalam kajian yang telah dijalankan dengan jayanya.





ABSTRAK

Tarian Pokudinding merupakan tarian etnik Dusun Tindal yang berasal dari Kampung Piasau Kota Belud, Sabah. Tarian ini sudah dikesan sejak tahun 1980-an dan berkisarkan kepada mitos menyambut musim menuai padi, di mana hasil tuaian atau padi akan disimpan dalam ‘Tangkob’ atau dikenali guni yang besar untuk menyimpan padi lalu disimpan ke dalam sebuah rumah, disebabkan beban hasil tuaian itu sudah melebihi maka menyebabkan dinding rumah menjadi condong dan dibantu dengan tongkat bagi membantu dinding rumah tersebut daripada roboh. Melalui peristiwa tersebut, penduduk kampung meraikan semangat dan kerjasama yang dilakukan oleh penduduk kampung itu sendiri lalu mendapat ilham melalui pergerakan semasa menahan rumah penyimpanan padi daripada roboh, oleh itu wujudnya tarian Pokudinding. Tarian Pokudinding telah mengalami perubahan dalam struktur gerakan, di mana gerakan tarian Pokudinding pada asalnya hanya terdapat dua (2) gerak sahaja. Oleh itu, dalam kajian ini memfokuskan tentang isu yang disebabkan berlaku perkembangan terhadap struktur gerak asal tarian Pokudinding tidak dipersembahkan lagi sehingga hari ini. Penyelidikan ini masih kurang mendapatkan rujukan yang kukuh berkaitan dengan tarian Pokudinding dan kaedah kualitatif digunakan di mana data akan diperolehi melalui temu bual dengan responden yang melibatkan penyertaan penduduk Kampung Piasau. Memandangkan penyelidikan masih di peringkat awal, diharapkan hasil dapatan dapat menyumbang kepada pengkaji akan datang dan budaya etnik Dusun Tindal di Sabah.





STUDY OF MOVEMENT STRUCTURE CHANGED IN POKUDINDING ENTIK DANCE OF DUSUN TINDAL IN KAMPUNG PIASAU KOTA BELUD, SABAH

ABSTRACT

The Pokudinding dance is a traditional Dusun Tindal village dance that originates from Kampung Piasau in Kota Belud, Sabah. This dance has been traced since the 1980s and revolves around the myth of celebrating the rice harvest season, where the harvest or rice will be stored in a 'Tangkob' or known as a large sack to store rice and then stored in a house, due to the load of the harvest already exceeded then causing the wall of the house to be tilted and assisted with sticks to help the wall of the house from collapsing. Through the event, the villagers celebrate the spirit and cooperation carried out by the villagers themselves and get inspiration through movement while keeping the rice storage house from collapsing, hence the existence of the Pokudinding dance. Pokudinding dance nowadays has changed in the movement structure, where originally there were only two (2) moves in the Pokudinding dance movement. Therefore, in this study focusing on the issues caused by the development of the original movement structure of the Pokudinding dance is not performed again until today. This research still lacks strong references related to Pokudinding dance and a qualitative method is used where data will be obtained through interviews with respondents involving the participation of Kampung Piasau residents. Since the research is still in its early stages, it is hoped that the findings can contribute to future researchers and the ethnic culture of Dusun Tindal in Sabah.





KANDUNGAN

SURAT PERAKUAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan.....	1
2.0 Latar Belakang.....	6
3.0 Permasalahan Kajian.....	11
4.0 Persoalan Kajian	12
5.0 Objektif	12
6.0 Kerangka Konseptual Kajian	13
7.0 Batasan Kajian	14
8.0 Kepentingan Kajian	15
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR.....	16
2.0 Tinjauan Literatur	16
BAB 3 METODOLOGI.....	20
3.0 Posedur Penyelidikan.....	20
3.1 Sumber Primer	21
3.2 Sumber Sekunder	21
3.3 Reka Bentuk Kajian	22
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	23
4.1 Objektif Pertama	23
4.2 Objektif Kedua.....	26
4.3 Objektif Ketiga	28
BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	35
5.0 Pengenalan	35
5.1 Rumusan Kajian.....	36





5.1.1 Rumusan Kajian Bab Satu	36
5.1.2 Rumusan Kajian Bab Dua	38
5.1.3 Rumusan Kajian Bab Tiga.....	39
5.1.4 Rumusan Kajian Bab Empat.....	40
5.2 Implikasi Kajian.....	42
5.3 Cadangan.....	43
RUJUKAN	iv
LAMPIRAN.....	vi





BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Negeri di Bawah Bayu, Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dengan kawasan yang menjangkau 72,500 kilometer persegi, dipenuhi dengan pantai yang dikelilingi oleh Laut China Selatan di bahagian Barat, Laut Sulu di bahagian Timur Laut dan Laut Celebes di bahagian Timur, Sabah terletak di bahagian paling utara Borneo.

Penduduk Sabah terdiri daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Kadazan-Dusun adalah kumpulan etnik yang terbesar di Sabah yang membentuk hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk. Pesta Menuai yang disambut pada 30 & 31 Mei setiap tahun merupakan percutian yang amat diraihkan oleh etnik Kadazan-Dusun bagi menghormati Roh Beras dan untuk bersyukur di atas tuaian yang banyak. Selain itu, Bajau atau juga dikenali sebagai ‘Koboi Timur’, dan Murut iaitu orang-orang bukit dan pemburu kepala pada masa lalu, adalah kumpulan etnik kedua dan ketiga terbesar di Sabah. Suku kaum lain-lain adalah termasuk suku kaum bumiputera seperti Bisaya, Melayu, Burnie, Bugis, Kedayan, Lotud, Ludayeh, Rungus, Suluk, Minolok, Bonggi, Ida'an dan banyak lagi. Dengan kepelbagaiannya yang mempunyai lebih daripada 30 kaum etnik dan budaya dalam tradisi dan adat berbeza yang telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan harian rakyat Sabah. Berbagai pakaian tradisi puak-puak yang masih mengekalkan banyak reka bentuk dan warna asal setiap



etnik. Pakaian tradisional ini termasuk manik antic, rantai dan tali pinggang, barang kemas perak yang antic dan diukir dengan tangan, serta tali pinggang syiling perak lama yang diturunkan dari generasi ke generasi. Selain itu, setiap etnik juga mempunyai krafttangan, muzik dan tarian unik yang membezakan mengikut setiap etnik daripada satu sama yang lain (Laman Kerajaan Negeri Sabah, 2023).



(Gambar menunjukkan Peta Sabah melalui sumber, Laman Sesawang Kerajaan Negeri Sabah, 2023)

Menurut Salbiah K. , Humin J, Noria A.T (2017) mengatakan masyarakat Dusun Tindal mendiami daerah Kota Belud yang terletak di kawasan pantai barat negeri Sabah. Daerah ini merentasi kawasan seluas 1,385.6 kilometer persegi di kawasan kaki Gunung Kinabalu. Jarak Kota Belud ke Kota Kinabalu adalah sejauh 77 kilometer. Daerah ini bersempadan dengan tiga buah daerah, iaitu daerah Kota Marudu di sebelah utara, daerah Ranau di bahagian timur dan daerah Tuaran di bahagian barat. Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), penduduk Dusun Tindal merupakan etnik yang terbesar mendiami daerah Kota Belud, iaitu berjumlah 38,097 orang, diikuti oleh etnik Bajau dan Iranun yang berjumlah 31,506. Asal usul Kota

Belud adalah daripada istilah bahasa Bajau yang bermaksud ‘kubu pertahanan di atas bukit’. Pada suatu ketika dahulu, permusuhan antara kaum Dusun, Bajau dan Iranun sering berlaku kerana ketiadaan pentadbiran yang mengawal peraturan dan hal ehwal adat suku kaum di daerah tersebut. Permusuhan ini menjadi faktor penolak orang Dusun untuk berpindah ke kawasan pendalaman atau tindal (kaki bukit). Oleh itu, nama Dusun Tindal diambil sempena nama kawasan bukit, iaitu sinomin dengan perkataan ‘belud’ dalam bahasa Bajau. Menurut Topin (1996:4), masyarakat Dusun Tindal juga tergolongan dalam 40 buah etnik yang berdaftar di bawah suku Kadazandusun yang telah berhijrah dari Nunuk Ragang.



(Gambar menunjukkan Peta Kota Belud melalui sumber, Laman Sesawang)

Kebanyakan pakar tarian mendapati bahawa kehadiran tarian dalam kehidupan manusia awal adalah sebagai keperluan untuk pengendalian ritual (Turner, 1957). Ritual merupakan alat transformasi dalam sesebuah masyarakat. Setiap persembahan yang terdapat dalam ritual mengandungi unsur-unsur simbolik. Dalam proses pembentukan peraturan sosial, setiap perlakuan atau persembahan ritual hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu, perlakuan yang terdapat dalam persembahan ritual merupakan simbol dalam proses penyatuan untuk orang yang memohon kuasa (merujuk kepada manusia), dan yang memberi kuasa (merujuk kepada kuasa luar biasa atau kuasa ghaib). Banyak kajian mendapati asal usul tarian berkait

dengan aktiviti ritual manusia (Turner, 1957 dan Djamari, 1996). Ada ritual yang bertujuan untuk bersyukur kepada Tuhan, mengingatkan diri kepada Tuhan agar mendapatkan keselamatan dan rahmat, memohon ampun atas kesalahan yang dilakukan dan ritual perkahwinan serta kematian (Sri Ningsih Sukirman, 2020).

Tarian Pokudinding merupakan tarian tradisional asal dari Kampung Piasau Kota Belud Sabah. Tarian ini sudah dikesan sejak tahun 1980-an dan berkisarkan kepada mitos menyambut musim menuai padi, di mana hasil tuaian atau padi akan disimpan dalam ‘Tangkob’ atau dikenali guni yang besar akan disimpan ke dalam sebuah rumah untuk menyimpan padi, disebabkan beban hasil tuaian itu sudah melebihi maka menyebabkan dinding rumah menjadi condong dan dibantu dengan tongkat bagi membantu dinding rumah tersebut roboh. Maka wujudnya tarian Pokudinding melalui peristiwa itu.

Kebudayaan adalah sinonim bagi kampung piasau , hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Dusun Tindal di Kampung ini sememangnya tidak akan lari dari budaya-budaya masa lalu sehingga sekarang, Menceritakan budaya tarian misalnya, Kampung Piasau mulai dikenali di pelusuk Malaysia am Negeri Sabah apabila kumpulan budaya tarian Pokudinding kerap dijemput di Sabah Festival sejak dari tahun 2007 hingga sekarang. Kumpulan Seni tari di kampung ini juga kerap dijemput di majlis-majlis utama di daerah Kota Belud, Pesta Kaamatan Peringkat daerah, Pesta Tamu Besar Kota Belud juga di Majlis perkawinan sehingga hari ini¹.

¹ Temubual Encik Laimin Omar, 52 tahun, Penduduk Kampung Piasau.



(Gambar menunjukkan Tarian Pokudinding yang di persembahkan semasa Sabah Festival Tahun 2014, sumber En.Azman Jumat)





2.0 Latar Belakang

Kampung Piasau Kota Belud terletak di dalam Kawasan Mukim Woriu N.7 Kadamaian.

Menurut cerita orang-orang tua di Kampung Piasau, asal nama ‘Piasau’ adalah diambil dari sejarah terdahulu hasil penghijrahan suku kaum Tompisaho. Pada zaman dahulu, telah berlaku perperangan perebutan tanah ‘Minisangod’ di antara kaum Ruppot dengan kaum Talantang. Dalam pertempuran itu kaum Ruppot mendapat kekalahan yang sangat teruk namun masih beberapa orang kaum Ruppot yang terselamat dan bersembunyi. Mendengar perkhabaran itu, kaum Tompiasahon menghantar tiga orang wakil ke perkampungan Ruppot untuk meninjau keadaan perkampungan tersebut. Rombongan kaum Tompiasahon pun bergerak ke perkampungan Ruppot dan bergabung tenaga untuk menentang kaum Talantang. Dari sokongan Kaum Tompiasahon akhirnya kaum Talantang dapat dikalahkan. Oleh itu, kaum Ruppot telah berhutang dua buah gantang dengan kaum

Tompiasahon yang berisikan biji jagung mengikut kiraan kepala kaum Talantang yang terkorban. Apabila keadaan ‘Minisangod’ berakhir, kaum Tompiasahon berhijrah ke perkampungan Ruppot. Hasil dari penghijrahan kaum Tompiasahan ke perkampungan Ruppot maka terhasilnya nama Kampung Piasau yang diambil daripada pokok kepala ‘Pioso’. Setelah nama Piasau wujud, Kampung Piasau dibahagikan kepada enam (6) kawasan utama iaitu Limbata, Motondig, Tuguson, Danaruh, Karalakan dan Togop untuk tujuan memudahkan pelaksanaan pemerintahan dan pentadbiran. Selepas kemerdekaan, Kampung Piasau dibagi kepada tiga bahagian iaitu Dimala sebelah timur 0.8 km, Paka kawasanya dapat dilihat melalui jalan Kem Paradise atau melalui jalan raya Piasau 0.7 Km dari perkampungan Piasau. Manakala Piasau ialah kawasan yang agak luas , penduduk yang ramai dan tempat tumpuan. Walaupun legenda / mitos ini kurang meyakinkan, satu kesimpulan mudah mengenainya penduduk suku kaum Dusun Tindal di



Piasau mempunyai persamaan cerita masyarakat Dusun di pelbagai daerah yang terdapat di Sabah yang menunjukkan ‘Nunuk Ragang’ sebagai asal-usul nenek moyang².

Melihat kepada sudut ekonomi penduduk Kampung Piasau pula, hasil keluaran utama merupakan penanaman padi lebih kurang 75% penduduk kampung masih melakukan kerja-kerja sebagai petani dan sebanyak 240 hakter keluasan penaman padi dengan purata pendapatan bersih RM900.00/ha/semusim, daripada keluasan dan pendapatan ini membayangkan bahawa penduduk di Kampung Piasau amat bertuah kerana dikaruniakan semangat bertani. Penduduk di Kampung Piasau juga mendapat peruntukan pembangunan infrastuktur dari Pihak Kerajaan seperti pengairan air merentasi sawah-sawah penduduk dari Dimala hingga ke kawasan pertanian di bahagian Paka, Sumpingan, dan Douri serta di Karalan. Sokongan jentera moden dan teknologi terkini telah merubah amalan pertanian dalam masyarakat petani padi di Kampung Piasau, di mana tahap modenisasi dalam masyarakat petani di Kampung Piasau dimanaafat sepenuhnya sehingga petani di kampung tersebut dapat mengerjakan sawah mereka sebanyak 2 atau 3 kali musim menuai dalam setahun.

Selain bertani, penanaman getah juga adalah faktor kedua sumber ekonomi kampung tersebut, di mana lebih kurang 25 % penduduk ini sudah memiliki kebun getah yang boleh ditoreh, dengan sokongan Lembaga Tabung Getah (N) dan RISDA, memberi semangat kepada ahli pekebun untuk membuka kawasan baru untuk proses semayan pokok getah yang berkualiti sejajar dengan keperluan kerajaan sekarang. Di samping itu, perniagaan juga adalah salah satu sumber ekonomi penduduk Kampung Piasau, dengan taburan kedai runcit, kedai perkhidmatan dan menjual makanan, sokongan infrastuktur yang kondusif

² Temubual Encik Laimin Omar, 52 tahun, Penduduk Kampung Piasau.

seperti perkhimatan sekolah rendah dan jalan raya yang baik serta dapat menembusi perniagaan di luar kampung dalam berbagai perkhidmatan. Akhir sekali, sebahagian lagi penduduk di Kampung Piasau sudah mendapat pekerjaan dengan agensi kerajaan dan swasta, dengan berbekalkan pendidikan dan kelulusan yang cemerlang membuatkan penduduk mendapat pekerjaan setara kelulusan yang dimiliki, peluang memegang jawatan - jawatan tinggi seperti doktor , Pengarah, Timbalan Pengarah, Pensyarah, Penyelidik, Pendidik, Agensi Keselamatan, Kerani dan sebagainya menambahkan lagi statusi ekonomi para penduduk di Kampung Piasau. Secara kesimpulan, tahap ekonomi penduduk di Kampung Piasau ialah dalam 98% boleh dikatakan dalam tahap ekonomi yang sederhana dan berkemampuan untuk merubah keperitan penduduk dan seisi keluarga.

Di samping itu, masyarakat Kampung Piasau dahulu sangat gemar untuk menyimpan hasil tuaian mereka dalam satu tempat yang di panggil ‘Tangkob’ dan di simpan dalam suatu ruang rumah khas untuk menyimpan padi. Apabila hasil tuaian padi di simpan dengan begitu banyak maka rumah untuk penyimpanan padi akan terlebih muatan dan menyebabkan dinding pada rumah menjadi senget atau ‘miring’ dan terpaksa dibantu dengan tongkat atau kayu untuk menahan dinding rumah tersebut daripada roboh. Sekelompok petani melihat kejadian pada masa itu bekerjasama dalam membantu menahan rumah tempat penyimpanan padi daripada roboh. Melalui semangat kerjasama sekelompok petani maka mereka berjaya menahan rumah tersebut daripada roboh dan sekelompok petani meraihkan upacara sempena hasil tuaian mereka selamat disimpan. Melalui peristiwa tersebut, secara tidak langsung yang melihat situasi tersebut mula tertarik dengan mendapat satu ilham untuk mewujudkan sebuah tarian bagi menyambut semangat hasil tuaian padi dan kerjasama daripada penduduk setempat. Oleh itu, lahirlah

tarian Pokudinding, yang bermaksud “Poku” ialah petani sedang memukul kayu untuk menahan manakala “dinding” ialah dinding rumah yang hampir roboh. Di mana tarian ini di inspirasikan melalui gerak para petani yang bertungkus lumus dalam menahan rumah tempat penyimpanan hasil tuaian daripada roboh³.



(Gambar ilustrasi menunjukkan rumah yang ditahan dengan kayu daripada roboh,

sumber Laman Web Google)

Tarian Pokudinding sering ditarikan oleh penari dalam kalangan muda mudi. Tarian ini juga ditarikan sewaktu perayaan berlangsung seperti Majlis Perkahwinan, Majlis Perasmian dan Sambutan Pesta Kaamataan. Tarian Pokudinding tidak mempunyai bilangan penari yang tetap, bilangan penari bergantung berapa banyak penari yang diperlukan untuk sesebuah majlis perayaan berlangsung. Busana yang digunakan dalam tarian Pokudinding bergantung kepada acara perayaan yang dijalankan, misalnya dalam majlis perkahwinan dan majlis rasmi dalam kampung pakaian yang digunakan ialah seperti Sinurangga yang telah dikreatifkan manakala dalam majlis rasmi luar kampung

³ Temubual Puan Lilin@Dovina Binti Sikin, 62 tahun, Penduduk Kampung Piasau.

pula penari akan memakai Sinipak. Hal ini dikatakan demikian kerana, busana Sinipak sangat terkenal di Kampung Piasau juga di seluruh Kota Belud terutamanya dalam kalangan suku kaum Dusun Tindal⁴.

Walaubagaimanapun, etnik Dusun Tindal mempunyai dua jenis pakaian tradisional yang dikenali sebagai Sinipak dan Rinagang. Namun demikian, dalam rekaan busana tersebut mengalami perubahan dari semasa ke semasa sehingga ke hari ini. Busana Sinipak dipakai oleh etnik Dusun Tindal yang tinggal di kawasan yang rata manakala Rinagang akan dipakai oleh etnik Dusun Tindal yang tinggal di lereng bukit. Busana sinipak itu sendiri mempunyai versi lelaki dan perempuan, antara aksesori yang digunakan pada busana perempuan ialah kuapi, tinggot babagas dan gonob manakala bagi lelaki pula menggunakan sigar, kuapi dan tinggot, disebabkan oleh peralihan masa kini pakaian dihiasi dengan aksesori yang menarik dan sulaman manik untuk dibuat mereka lebih menarik. Antara transformasi tersebut ialah perubahan dalam saiz kain dastar sulaman, motif geometri disulam dengan saiz yang lebih kecil dan lebih menarik. Reka bentuk pakaian hari ini lebih kompleks dengan penggunaan fabrik yang lebih selesa dan penambahan motif sulaman pada kostum sinipak (Ak Tugang, Kindoyop, Kimwah, & Othman, 2018). Oleh itu, tarian Pokudinding tidak mempunyai pakaian yang tetap atau khusus dalam mempersembahkan tarian ini, namun dalam perayaan rasmi penari akan memakai busana Sinipak mengikut budaya etnik Dusun Tindal.

Tarian Pokudinding juga dirungi dengan beberapa alat muzik yang digunakan antaranya ialah (2) Tawag - Tawag, (2) Tajanang, (2) Gandang dan satu set Kulintangan.

⁴ Temubual Puan Suaing Ubud, 58 tahun, Penduduk Kampung Piasau.

Oleh itu, seramai tujuh (7) orang pemain muzik yang diperlukan dalam memainkan muzik tradisional untuk mengiringi persembahan tarian Pokudinding.

3.0 Permasalahan Kajian

Tarian Pokudinding merupakan tarian etnik suku kaum Dusun Tindal yang berasal dari Kampung Piasau Kota Belud, Sabah. Tarian Pokudinding wujud sejak tahun 1980-an dan sehingga kini masih diteruskan dalam kalangan generasi penduduk Kampung Piasau. Tarian ini dari dulu ditarikan dalam kalangan anak muda, hal ini dikatakan kerana pergerakan tarian Pokudinding lebih sesuai ditarikan oleh golongan muda. Pada tahun 1990-an, tarian Pokudinding telah mengalami perubahan dari sudut pergerakkan dan adat sebenar tarian ini ditarikan. Pada masa dahulu, tarian Pokudinding ini mempunyai silat sebagai pembukaan sebelum masuk kepada tarian namun disebabkan pihak Kebudayaan Kota Belud tidak menerima silat untuk dimasukkan dalam persembahan tarian Pokudinding.

Oleh itu, dalam kajian ini dijalankan berdasarkan isu yang dibangkitkan berkaitan dengan struktur gerak tarian Pokudinding pada masa kini merupakan pergerakan yang sudah diubah atau dikembangkan oleh salah satu penerus yang masih mengamalkan tarian tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, tarian Pokudinding sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal terutamanya di Kampung Piasau Kota Belud, tanpa disedari tarian ini telah berlaku perubahan sejak tarian tersebut semakin diangkat oleh penduduk setempat.

4.0 Persoalan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah berdasarkan beberapa persoalan kajian untuk mengetahui sebab berlakunya perubahan struktur gerak dalam tarian Pokudinding di Kampung Piasau Kota Belud, Sabah.

- a) Siapakah yang telah mengubah struktur gerak dalam tarian Pokudinding suku kaum Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud ?
- b) Apakah yang menyebabkan perubahan struktur gerak dalam tarian Pokudinding suku kaum Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud?
- c) Bagaimanakah struktur gerak dalam tarian Pokudinding suku kaum Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud berlaku penambahan ?


5.0 Objektif

- a) Mengenal pasti perubahan struktur gerak yang berlaku dalam tarian Pokudinding suku kaum Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud, Sabah.
- b) Mengkaji perubahan struktur gerak yang berlaku dalam tarian Pokudinding suku kaum Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud, Sabah.
- c) Menganalisis perubahan struktur gerak yang berlaku dalam tarian Pokudinding suku kaum Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud, Sabah.

6.0 Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji membina kerangka konseptual kajian berdasarkan penyelidikan yang dijalankan.

Kerangka konseptual merupakan cara pengkaji untuk menganalisis bagi mendapatkan pemahaman yang menyeluruh mengenai suatu fenomena dalam kajian yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji menggunakan kerangka konseptual untuk menjelaskan konsep atau pemboleh ubah utama secara visual berdasarkan kajian yang dijalankan.



7.0 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian penyelidikan ini pengkaji meletakkan batasan dalam kajian tersebut kerana terdapat beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan semasa menjalankan penyelidikan terutamanya dalam mengkaji tarian Pokudinding suku kaum Dusun Tindal Kampung Piasau Kota Belud, Sabah.

- a) Batasan kajian yang pertama dijalankan ialah memilih lokasi kajian yang dikenali dan mengetahui akan sejarah dan latar belakang tempat serta tarian tersebut.
- b) Memperolehi sumber maklumat berkaitan dengan tarian Pokudinding melalui penduduk Kampung Piasau kerana mempunyai kenalan yang mudah untuk dihubungi.
- c) Menjalankan penyelidikan dalam kalangan penduduk Kampung Piasau sahaja untuk mengecilkan skop kajian agar memudahkan kajian dijalankan.



8.0 Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan ini dapat menjadi suatu pengetahuan baru serta berguna kepada pengkaji seterusnya yang menjalankan kajian ini dan kepada masyarakat Kampung Piasau serta semua pihak dan institusi yang terlibat dalam merangka langkah susulan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran dalam tarian Pokudinding. Pengkaji juga berharap agar kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk melaksanakan penyelidikan seterusnya. Kajian seperti ini mengukuhkan lagi pengetahuan masyarakat Kampung Piasau terutamanya generasi muda dalam tarian Pokudinding agar tidak dilupakan dengan begitu sahaja. Oleh itu, tradisi suku kaum Dusun Tindal di Kampung Piasau Kota Belud, Sabah dapat diteruskan dan sentiasa di ingati dari generasi ke generasi seterusnya.

